

Khamis, Mac 15 2018

GST: Muhyiddin ditempelak wakil Pas

KUALA LUMPUR 14 Mac - Gara-gara terlanjur kata membuat tuduhan melulu terhadap **Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang)** dalam satu ceramah di Bachok, Kelantan sebelum ini, **Tan Sri Muhyiddin Yassin (PPBM-Pagoh)** ditempelak oleh seorang Ahli Parlimen daripada Pas dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Ahmad Marzuk Shaary (Pas-Bachok) yang mencelah ketika Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu membahaskan usul menjunjung kasih titah Yang di-Pertuan Agong menuntut penjelasan mengenai dakwaan Muhyiddin kononnya Abdul Hadi yang juga Presiden Pas menyokong pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Muhyiddin seterusnya menjelaskan sumber rujukan beliau terhadap dakwaan itu adalah menerusi laporan di media terma-



MUHYIDDIN YASSIN



AHMAD MARZUK

suklah media-media sosial serta disemak dengan beberapa pihak.

Walau bagaimanapun, jawapan Muhyiddin itu 'memakan diri' apabila Ahmad Marzuk menjelaskan pendirian sebenar Abdul Hadi dengan merujuk kepada penyata rasmi Parlimen bertarikh 18 Oktober 2016.

Menurut beliau, berdasarkan penyata rasmi itu, Abdul Hadi dengan jelas bertanyakan kepada Menteri Kewangan sama ada kerajaan mempunyai hasrat un-

tuk membatalkan GST yang dikenakan kepada rakyat tanpa mengira kaya atau miskin dan mengambil mekanisme lain yang lebih adil, saksama serta tidak membebankan rakyat.

"Adakah ini sumber rujukan Pagoh? Langsung tidak gambarkan ini sokong GST. Yang Berhormat ini satu fitnah, jadi saya minta Yang Berhormat tarik balik kenyataan ini."

"Yang Berhormat sebagai Timbalan Perdana Menteri sudah lama, tak kan tidak faham tentang penyata rasmi Parlimen?" katanya.

Mungkin tersentak dengan reaksi Ahmad Marzuk itu, Muhyiddin mengelak daripada menjawab pertanyaan berkenaan dengan menjelaskan pendiriannya sama seperti dinyatakan terdahulu dan terus menamatkan perbahasan.